



SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)

**PANDUAN AKTIVITI
DI MASJID DAN SURAU SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA BERFASA
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah dipersembahkan dan berpuas hati dengan keupayaan jawatankuasa dan pegawai masjid mematuhi dan melaksanakan garis panduan operasi (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan (MKN) Negeri Perak, serta berlandaskan sembah nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dengan ini menzhirkan titah perkenan, berkuat kuasa solat Maghrib, Khamis, 27 Zulkaedah 1442 bersamaan 8 Julai 2021:


1. Membolehkan semua masjid menerima bilangan jemaah Solat Jumaat dan solat fardu, mengikut keluasan dewan solat utama dengan mematuhi jarak fizikal yang ditetapkan.
2. Membolehkan semua surau, termasuk surau dalam kem tentera dan polis, bangunan pejabat, institusi, universiti, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang, mendirikan Solat Jumaat agar seramai mungkin jemaah berpeluang menunaikan Solat Jumaat.
3. Membolehkan semua masjid dan surau mengadakan Solat Sunat Aidiladha dengan menerima bilangan jemaah mengikut keluasan dewan solat utama dengan mematuhi jarak fizikal yang ditetapkan.
4. Membenarkan Solat Sunat Aidiladha diadakan di tempat terbuka dan kawasan lapang dalam kawasan-kawasan perumahan dengan memaklumkan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum Hari Raya Aidiladha kepada Balai Polis atau Pondok Polis terdekat.
5. Solat jenazah dibenarkan di masjid dan surau dengan jemaah lelaki sahaja terbatas kepada ahli-ahli kariah.
6. Kuliah ilmu dibenarkan diadakan di masjid dan surau;
 - (i) Dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti dihentikan sebaik masuk waktu Solat Isyak.
 - (ii) Tidak melebihi 30 minit, kepada jemaah yang berada dalam masjid dan surau sementara menanti azan Solat Jumaat.

7. Jemaah yang dibenarkan berjemaah di masjid dan surau;
 - (i) Solat Jumaat dan solat jenazah: **jemaah lelaki sahaja, warganegara dan penduduk tetap Malaysia, berusia 12 tahun ke atas.**
 - (ii) Solat fardu dan Solat Sunat Aidiladha: **jemaah lelaki dan wanita, warganegara dan penduduk tetap Malaysia berusia 12 tahun ke atas.**
8. Kumpulan berisiko tinggi (terutama kalangan yang menghidap penyakit tertentu), dinasihatkan **TIDAK MENGHADIRI** aktiviti berkumpulan di masjid dan surau.
9. Tidak dibenarkan diadakan jamuan dalam masjid dan surau, merangkumi perkarangan masjid dan surau.
10. **TIDAK DIBENARKAN** sebarang aktiviti, termasuk mendirikan Solat Jumaat, solat fardu, Solat Sunat Aidiladha dan solat jenazah di masjid dan surau yang terletak dalam kawasan yang diisyiharkan berada dalam kategori **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**.
11. Memberikan kuasa budi bicara kepada Orang Besar Jajahan bersama Pegawai Daerah dan Pegawai Tadbir Agama Daerah untuk mengarahkan mana-mana masjid/surau dalam mana-mana kariah atau mukim, dalam daerah masing-masing ditutup sementara dan tidak dibenarkan mendirikan Solat Jumaat, solat fardu, solat jenazah dan Solat Sunat Aidiladha dalam masjid dan surau, apabila mendapat nasihat atau maklum balas dari MKN, Jabatan Kesihatan dan PDRM, ada berlakunya penularan wabak dalam kariah atau mukim berkaitan.

Jabatan Agama Islam Perak akan mengeluarkan garis panduan terperinci kepada semua jawatankuasa serta pegawai masjid dan surau, di samping bertanggungjawab memantau pematuhan garis panduan menurut yang ditetapkan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan memahami hasrat umat Islam muh mengimarahkan rumah-rumah ALLAH dan beribadah secara berjemaah. Titah perkenan Baginda menetapkan bilangan jemaah tertakluk kepada status semasa penularan wabak Covid-19 di negeri Perak Darul Ridzuan. Dalam memenuhi hasrat tersebut, Baginda perlu mengutamakan faktor keselamatan kesihatan para jemaah serta menimbangkan tugas berat yang sedang dihadapi oleh para petugas barisan hadapan terutamanya kakitangan Kementerian Kesihatan.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

26 Zulkaedah 1442 / 7 Julai 2021